

Kadar pengangguran terus menurun 3.3 peratus

Kedudukan ekonomi menggalakkan bolehkan pasaran buruh kekal stabil

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Penganggur pada Mac 2024 terus menurun kepada 566,600 orang, mencatatkan kadar pengangguran sebanyak 3.3 peratus, demikian menurut perangkaan terkini Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Ketua Perangkaan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata kedudukan ekonomi yang menggalakkan pada Mac 2024 telah membolehkan pasaran buruh negara untuk mengekalkan pertumbuhan yang stabil.

Justeru, beliau berkata, bilangan tenaga buruh pada Mac 2024 terus mengukuh sebanyak 0.1 peratus merekodkan 17.1 juta orang berbanding 17.07 juta orang pada Februari 2024.

"Oleh itu, kadar penyertaan tenaga buruh meningkat sebanyak 0.1 mata peratus kepada 70.3 pera-

tus (berbanding 70.2 peratus pada Februari 2024), menunjukkan penyertaan buruh yang lebih tinggi dalam pasaran," katanya dalam satu kenyataan.

Selanjutnya, Mohd Uzir berkata, bilangan penduduk bekerja terus menunjukkan trend menaik, mencatatkan peningkatan bulan ke bulan sebanyak 0.1 peratus kepada 16.53 juta orang, berbanding 16.51 juta orang yang direkodkan pada Februari 2024.

Sebaliknya, beliau berkata, bilangan penganggur pada Mac 2024 berubah sedikit kepada 566,600 orang, dengan penurunan kecil iaitu sebanyak 0.1 peratus berbanding 567,000 orang pada Februari 2024.

Katanya, kadar pengangguran pada bulan itu tidak berubah iaitu pada 3.3 peratus seperti pada bulan sebelumnya.

Mengulas lebih lanjut kedudukan guna tenaga, Ketua Perangkaan Malaysia berkata, pada

Mac 2024, 75.1 peratus daripada jumlah penduduk bekerja berada dalam kategori pekerja, mencatatkan peningkatan sebanyak 0.1 peratus kepada 12.42 juta orang berbanding 12.41 juta orang pada Februari 2024.

Begitu juga, trend positif turut dilihat dalam kategori penduduk bekerja sendiri, yang naik 0.3 peratus kepada 3.03 juta orang berbanding 3.02 juta orang pada Februari 2024, katanya.

Penduduk bekerja meningkat

Dari segi sektor ekonomi, perkhidmatan terus merekodkan trend positif dalam bilangan penduduk bekerja, terutama dalam aktiviti perdagangan borong dan runcit, perkhidmatan makanan dan minuman dan aktiviti maklumat dan komunikasi.

Begitu juga, bilangan penduduk bekerja dalam sektor pembuatan, pembinaan, perlombongan dan pengkuarian dan

 **Kadar penyertaan tenaga buruh meningkat sebanyak 0.1 mata peratus kepada 70.3 peratus (berbanding 70.2 peratus pada Februari 2024), menunjukkan penyertaan buruh yang lebih tinggi dalam pasaran**

Mohd Uzir Mahidin,
Ketua Perangkaan Malaysia



pertanian juga berada pada trend meningkat pada Mac 2024.

Mengenai situasi pengangguran pada bulan berkenaan, Mohd Uzir berkata, daripada jumlah bilangan penganggur pada Mac 2024, 79.7 peratus adalah mereka yang bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan atau penganggur aktif.

Beliau berkata, kategori itu turun sebanyak 0.2 peratus merekodkan 451,500 orang berbanding 452,400 orang pada Februari 2024.

Mengikut tempoh pengangguran bagi penganggur aktif, 61.7 peratus adalah mereka yang menganggur kurang daripada tiga bulan, manakala 6.6 peratus adalah mereka yang berada dalam pengangguran jangka panjang melibat setahun.

Manakala, penganggur tidak aktif atau mereka yang percaya bahawa tiada pekerjaan tersedia naik sebanyak 0.4 peratus kepada 115,000 orang berbanding 114,600 orang pada Februari.

Pada masa yang sama, kadar pengangguran bagi belia berumur 15 hingga 24 tahun pada Mac 2024, kekal pada 10.6 peratus, mencatatkan 306,300 orang.

Begitu juga, kadar pengangguran dalam kalangan belia berumur 15 hingga 30 tahun adalah 6.6 peratus, dengan bilangan penganggur belia seramai 434,500 orang.